



23 Disember 2022  
23 December 2022  
P.U. (A) 393

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

PERINTAH PERKHIDMATAN KEWANGAN ISLAM  
(AMAUN MINIMUM DANA MODAL)  
(ORANG YANG DILULUSKAN) (PINDAAN) 2022

*ISLAMIC FINANCIAL SERVICES  
(MINIMUM AMOUNT OF CAPITAL FUNDS)  
(APPROVED PERSON) (AMENDMENT) ORDER 2022*

DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN ISLAM 2013

PERINTAH PERKHIDMATAN KEWANGAN ISLAM (AMAUN MINIMUM DANA MODAL)  
(ORANG YANG DILULUSKAN) (PINDAAN) 2022

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 12(1) Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [*Akta 759*], Bank Negara Malaysia membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Perkhidmatan Kewangan Islam (Amaun Minimum Dana Modal) (Orang yang Diluluskan) (Pindaan) 2022**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 30 Disember 2023.

**Pindaan perenggan 2**

2. Perintah Perkhidmatan Kewangan Islam (Amaun Minimum Dana Modal) (Orang yang Diluluskan) 2013 [*P.U. (A) 210/2013*], yang disebut “Perintah ibu” dalam Perintah ini, dipinda dalam perenggan 2—

(a) dengan memotong takrif “had dompet”, “skim wang elektronik besar” dan “skim wang elektronik kecil”; dan

(b) dengan memasukkan selepas takrif “liabiliti wang elektronik yang belum dijelaskan” takrif yang berikut:

“pengeluar wang elektronik biasa” ertinya suatu pengeluar wang elektronik selain pengeluar wang elektronik layak;

“pengeluar wang elektronik layak” ertinya suatu pengeluar wang elektronik di bawah perenggan 2A;

“pengguna aktif” ertinya pengguna yang menjalankan sekurang-kurangnya satu transaksi sebulan untuk membuat pembayaran atau pemindahan dana menggunakan wang elektronik atau untuk mengisi semula wang elektronik ke dalam akaun wang elektronik.’.

### **Perenggan baharu 2A**

3. Perintah ibu dipinda dengan memasukkan selepas perenggan 2 perenggan yang berikut:

#### **“Pengeluar wang elektronik layak**

2A. (1) Bank boleh mengkategorikan suatu pengeluar wang elektronik sebagai pengeluar wang elektronik layak sekiranya pengeluar wang elektronik itu memenuhi mana-mana kriteria yang berikut:

- (a) pengeluar wang elektronik itu mempunyai sekurang-kurangnya 500,000 pengguna aktif bagi suatu tempoh enam bulan berturut-turut bermula 2017;
- (b) pengeluar wang elektronik itu mempunyai bahagian pasaran sekurang-kurangnya lima peratus daripada jumlah banyaknya transaksi wang elektronik di Malaysia bagi suatu tahun tertentu bermula 2017;
- (c) pengeluar wang elektronik itu mempunyai bahagian pasaran sekurang-kurangnya lima peratus daripada jumlah nilai transaksi wang elektronik di Malaysia bagi suatu tahun tertentu bermula 2017; atau
- (d) pengeluar wang elektronik itu mempunyai bahagian pasaran sekurang-kurangnya lima peratus daripada jumlah liabiliti wang elektronik yang belum dijelaskan di Malaysia bagi suatu tahun tertentu bermula 2017.

(2) Jika suatu pengeluar wang elektronik yang telah dikategorikan sebagai pengeluar wang elektronik layak di bawah subperenggan (1) dan kemudiannya tidak memenuhi kesemua kriteria yang dinyatakan dalam subperenggan (1) bagi mana-mana tahun tertentu, pengeluar wang elektronik layak itu hendaklah, dengan kelulusan bertulis Bank, terhenti daripada dikategorikan sebagai pengeluar wang elektronik layak.

(3) Mana-mana pengeluar wang elektronik yang terhenti dari dikategorikan sebagai pengeluar wang elektronik layak di bawah subperenggan (2) boleh dikategorikan semula oleh Bank sebagai pengeluar wang elektronik layak sekiranya pengeluar wang elektronik itu memenuhi mana-mana kriteria yang dinyatakan dalam subperenggan (1).”.

### Penggantian Jadual 1

4. Perintah ibu dipinda dengan menggantikan Jadual 1 dengan jadual yang berikut:

“JADUAL 1  
[Subperenggan 3(1)]

Bil.	Kategori	Dana modal minimum (RM)
1.	Penasihat kewangan Islam yang diluluskan	50,000
2.	Pengeluar wang elektronik yang diluluskan yang merupakan—	
	(a) suatu pengeluar wang elektronik biasa; atau	1,000,000 atau lapan peratus daripada liabiliti wang elektronik yang belum dijelaskannya, mana-mana yang lebih tinggi
	(b) suatu pengeluar wang elektronik layak	5,000,000 atau lapan peratus daripada liabiliti wang elektronik yang belum dijelaskannya, mana-mana yang lebih tinggi

Dibuat 21 Disember 2022

[APKI/IFSA:BNM/JUN/1125/50/01; PN(PU2)718/Jld. 6]

TAN SRI NOR SHAMSI AH BINTI MOHD YUNUS

*Gabenor*

*Bank Negara Malaysia*

ISLAMIC FINANCIAL SERVICES ACT 2013

ISLAMIC FINANCIAL SERVICES (MINIMUM AMOUNT OF CAPITAL FUNDS)  
(APPROVED PERSON) (AMENDMENT) ORDER 2022

IN exercise of the powers conferred by subsection 12(1) of the Islamic Financial Services Act 2013 [*Act 759*], the Central Bank of Malaysia makes the following order:

**Citation and commencement**

1. (1) This order may be cited as the **Islamic Financial Services (Minimum Amount of Capital Funds) (Approved Person) (Amendment) Order 2022**.

(2) This Order comes into operation on 30 December 2023.

**Amendment of paragraph 2**

2. The Islamic Financial Services (Minimum Amount of Capital Funds) (Approved Person) Order 2013 [*P.U. (A) 210/2013*], which is referred to as the “principal Order” in this Order, is amended in paragraph 2—

(a) by deleting the definitions of “purse limit”, “large electronic money scheme” and “small electronic money scheme”; and

(b) by inserting after the definition of “outstanding electronic money liabilities” the following definitions:

‘ “standard electronic money issuer” means an electronic money issuer other than eligible electronic money issuer;

“eligible electronic money issuer” means an electronic money issuer under paragraph 2A;

“active user” means a user who conducts at least one transaction per month to make payment or funds transfer using electronic money or to reload electronic money into the electronic money account.’

**New paragraph 2A**

3. The principal Order is amended by inserting after paragraph 2 the following paragraph:

**“Eligible electronic money issuer**

2A. (1) The Bank may categorize an electronic money issuer as an eligible electronic money issuer if the electronic money issuer fulfills any of the following criteria:

- (a) the electronic money issuer has at least 500,000 active users for a consecutive period of six months beginning 2017;
- (b) the electronic money issuer has a market share of at least five per cent of the total electronic money transaction volume in Malaysia for a given year beginning 2017;
- (c) the electronic money issuer has a market share of at least five per cent of the total electronic money transaction value in Malaysia for a given year beginning 2017; or
- (d) the electronic money issuer has a market share of at least five per cent of the total outstanding electronic money liabilities in Malaysia for a given year beginning 2017.

(2) Where an electronic money issuer which has been categorized as an eligible electronic money issuer under subparagraph (1) and subsequently does not fulfil all criteria specified in subparagraph (1) for any given year, the eligible electronic money issuer shall, with the written

approval of the Bank, cease to be categorized as an eligible electronic money issuer.

(3) Any electronic money issuer who ceases to be categorized as an eligible electronic money issuer under subparagraph (2) may be recategorized by the Bank as an eligible electronic money issuer if the electronic money issuer fulfils any of the criteria specified in subparagraph (1).”.

### **Substitution of Schedule 1**

4. The principal Order is amended by substituting for Schedule 1 the following schedule:

“SCHEDULE 1  
[Subparagraph 3(1)]

No.	Category	Minimum capital funds (RM)
1.	Approved Islamic financial adviser	50,000
2.	Approved electronic money issuer which is—  (a) a standard electronic money issuer; or  (b) an eligible electronic money issuer	1,000,000 or eight per cent of its outstanding electronic money liabilities, whichever is higher  5,000,000 or eight per cent of its outstanding electronic money liabilities, whichever is higher

Made 21 December 2022

[APKI/IFSA:BNM/JUN/1125/50/01; PN(PU2)718/Jld. 6]

TAN SRI NOR SHAMSIAH BINTI MOHD YUNUS  
*Governor*  
*Central Bank of Malaysia*